

SOKONGAN GURU, IBUBAPA DAN RAKAN SEBAYA  
DALAM MENYIAPKAN LATIHAN KERJA RUMAH  
MATEMATIK TAHUN ENAM DI SEBUAH SEKOLAH  
LUAR BANDAR DAERAH KOTA MARUDU.

SATU KAJIAN KES

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



PHILIP B. SEBIN @ SIBIN

UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2014

SOKONGAN GURU, IBUBAPA DAN RAKAN SEBAYA  
DALAM MENYIAPKAN LATIHAN KERJA RUMAH  
MATEMATIK TAHUN ENAM DI SEBUAH SEKOLAH  
LUAR BANDAR DAERAH KOTA MARUDU.

SATU KAJIAN KES

PHILIP B. SEBIN @ SIBIN

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISERTASI INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH SARJANA  
PENDIDIKAN

FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2014

## DECLARATION

I hereby declare that the material in this dissertation is my own except for quotations, excerpts, equations, summaries and references, which have been duly acknowledged.

05 Jun 2014



Philip B. Sebin @ Sibin


MT1212386T



UMS  
PENGAKUAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

05 Jun 2014



Philip B. Sebin @ Sibin

MT1212386T

## PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya dalam menghasilkan Disertasi ini. Terutama sekali Profesor Madya Dr. Christina Peter Ligadu, iaitu penyelia saya yang juga sebagai mentor, dan pembimbing utama saya dalam menyiapkan Disertasi saya ini. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar yang berterusan daripada Dr.Christina, saya mungkin tidak akan dapat menyiapkan Disertasi ini dengan sebaiknya.

Saya juga tidak melupakan ahli keluarga saya yang sentiasa berada dibelakang saya dalam memberikan dorongan, sokongan dan semangat kepada saya untuk melengkapkan Disertasi ini dengan jayanya.

Saya juga mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua kawan-kawan saya yang sentiasa menyokong saya apabila saya menghadapi kesukaran untuk menyiapkan Disertasi ini. Tanpa sokongan mereka semua mungkin saya tidak akan dapat menyiapkan Disertasi ini.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## Abstrak

Latihan kerja rumah adalah merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran yang akan dapat membantu para murid untuk menguasai segala kemahiran yang diajarkan kepada mereka semasa dalam masa persekolahan. Latihan kerja rumah ini juga adalah merupakan satu alat untuk mengukuhkan lagi penguasaan mereka terutama sekali yang berkaitan dengan konsep dan rumus matematik yang perlu dilatih berulang kali untuk menguasainya. Untuk menyiapkan latihan kerja rumah matematik ini, terdapat beberapa elemen penting yang mempengaruhi sama ada murid dapat menyiapkan latihan yang diberikan atau tidak terutamanya dari segi sokongan guru, ibubapa dan rakan sebaya. Oleh sebab itulah maka, tujuan utama penyelidikan ini dilakukan adalah untuk melihat bagaimana sokongan guru, ibubapa dan rakan sebaya dalam membantu para murid Tahun Enam untuk menyiapkan latihan kerja rumah matematik yang diberikan oleh guru. Kajian ini adalah menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif, iaitu pendekatan kajian kes. pendekatan kajian kes ini adalah bertujuan untuk mengetahui bagaimanakah sokongan guru, ibubapa dan rakan sebaya murid dapat membantu mereka dalam menyiapkan latihan kerja rumah yang diberikan. Pendekatan temubual dan pemerhatian digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini. Terdapat enam informan yang terlibat dalam kajian dan ditemubual dalam kajian ini, iaitu dua orang guru matematik, dua orang ibubapa dan dua orang murid Tahun Enam. Daripada dapatan kajian ini, adalah didapati bahawa sokongan guru, ibubapa dan rakan sebaya adalah faktor utama yang sangat penting yang dapat membantu para murid dalam menyiapkan latihan kerja rumah matematik yang diberikan kepada mereka.

## *Abstract*

*Support of teachers, parents and peers in completing mathematics homework.*

*Homework is part of the learning process to enhance student abilities and to master all the necessary skills they acquired during the school hours. Homework also is a tool to reinforce their knowledge especially related to mathematics concept and formula that they need to practice over and over again to master it. In completing the assigned homework, there are some important elements to be taken into consideration whether students are able to complete their homework. Some of the elements are the support of teachers, parents as well as their peers. Therefore, the main objective of this study is to find out how teachers, parents and peers supports are able to help students in completing their homework. The methodology used in conducting of this study is a qualitative research method, using the technique of case study. Interview and observation were used as an approach for collecting data. Six informants, two mathematics teachers, two parents and two Year Six pupils were interviewed. The finding showed that teachers, parents and peers supports were the important elements which helped the students to complete their mathematics homework.*

# SENARAI KANDUNGAN

	Muka surat
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN CALON</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b><i>ABSTRACT</i></b>	v
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vi - x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Batasan Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Definisi Operasional	9
1.8.1 ` Kerja Rumah	9
1.8.2 Tahap Dua	9
1.8.3 Motivasi	10
1.8.4 Rakan Sebaya	10
1.9 Kesimpulan	11

<b>BAB 2: KAJIAN LITERATUR</b>	<b>12</b>
2.1 Pengenalan	12
2.2 Definisi Kerja Rumah	13
2.2.1 Jenis-jenis Kerja Rumah	15
2.2.1.1 Kerja Rumah Bentuk Latihan	15
2.2.1.2 Kerja Rumah Bentuk Persediaan	15
2.2.1.3 Kerja Rumah Bentuk Latihan Pengukuhan	15
2.2.2 Tujuan Pemberian Kerja Rumah	16
2.3 Kerja Rumah dan Penglibatan Ibubapa	16
2.4 Faedah Pemberian Kerja Rumah Kepada Pembelajaran	17
2.5 Peranan Ibubapa Dalam Kerja Rumah	19
2.5.1 Memantau Anak	19
2.5.2 Menyediakan Kemudahan	19
2.5.3 Memberikan Bimbingan dan Tunjuk Ajar	20
2.5.4 Memberikan Motivasi	20
2.6 Penglibatan Ibubapa Dalam Pembelajaran	21
2.6.1 Faedah Penglibatan Ibubapa Terhadap Pembelajaran	21
2.7 Teori Berkaitan	22
2.7.1 Teori Tingkah Laku	22
2.7.2 Teori Kognitif	23
2.8 Teori Digunakan Dalam Kajian Ini	24
2.8.1 Teori Kognitif Jerome Bruner	24
2.9 Kerangka Teori Kajian	27
2.10 Kesimpulan	28



<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	29
3.1 Pengenalan	29
3.2 Penyelidikan Kualitatif	29
3.3 Persampelan	32
3.3.1 Persampelan Bertujuan ( <i>Purposive Sampling</i> )	32
3.3.2 Kajian Kes	32
3.3.3 Reka Bentuk Kajian	34
3.3.4 Pengkaji/Penyelidik Sebagai Instrumen	34
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	35
3.4.1 Lokasi dan Persekitaran Temubual	36
3.4.2 Temubual Individu	37
3.4.3 Merakam Data/Temubual ( <i>Recording of Data</i> )	38
3.5 Pengumpulan dan Analisis Data	38
3.5.1 Analisis Temubual	40
3.5.2 Padanan Corak/Pola ( <i>Patter Matching</i> )	41
3.5.3 Mengkodkan Data ( <i>Data Coding</i> )	41
3.6 Kriteria Kualiti	42
3.6.1 <i>Prolonged Engagement</i>	42
3.6.2 <i>Persistent Observation</i>	42
3.6.3 Tringulasi	43
3.6.4 <i>Member Checking</i>	44
3.7 Etika Penyelidikan	45
3.7.1 <i>Intrusion</i>	45
3.7.2 <i>Ethical Anxiety</i>	46
3.7.3 <i>Harm and Deception</i>	46
3.7.4 <i>Confidentiality and Anonymity</i>	47
3.8 Penutup	48

<b>BAB 4: ANALISIS DATA</b>	49
4.1 Pengenalan	49
4.2 Profil Informan Guru	50
4.2.1 Cikgu Rose	50
4.2.2 Cikgu Wan	50
4.3 Profil Informan Bapa Murid	51
4.3.1 En.Joe	51
4.3.2 En.Amin	51
4.4 Profil Informan Murid	53
4.4.1 Adik Edy	53
4.4.2 Adik Ira	55
4.5 Tema-tema	56
4.5.1 Sokongan Guru	56
4.5.2 Sokongan Ibubapa	58
4.5.3 Faktor Rakan Sebaya	59
4.5.4 Latar belakang Akademik	61
4.5.5 Faktor Peruntukan Masa	62
4.6 Kepentingan –kepentingan Kerja Rumah	64
4.7 Kesimpulan	66
<b>BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	67
5.1 Pengenalan	67
5.2 Tema-Tema Utama Kajian	67
5.2.1 Sokongan Guru	67
5.2.2 Sokongan Ibubapa	69
5.2.3 Sokongan Rakan Sebaya	69

5.3	Tema-Tema Lain	71
5.3.1	Latar Belakang Akademik	71
5.3.2	Faktor Peruntukan Masa	71
5.4	Persoalan Kajian	72
5.5	Teori Dalam Kajian Ini	73
5.6	Kesimpulan	74
	Rujukan	75



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	Muka surat
<b>Jadual 3.1</b> : Gambaran Keseluruhan Informan	34
<b>Jadual 3.2</b> : Gambaran Keseluruhan Temubual Informan	37



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

Muka surat

**Rajah 1.1** : Kerangka Teori Kajian

27



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Kerja rumah memberi peluang kepada para pelajar untuk memperluaskan dan mengukuhkan apa yang mereka telah belajar di sekolah. Selain daripada itu, melalui kerja rumah juga akan membolehkan guru-guru untuk melanjutkan tempoh masa bagi pembelajaran di luar waktu rasmi persekolahan (Berinderjeet Kaur, 2011: 1). Memang tidak dinafikan bahawa tidak banyak sekolah-sekolah yang mempunyai satu dasar tugas kerja rumah. Walau bagaimanapun, dalam Kebanyakan kelas-kelas matematik, guru akan memberikan kerja rumah kepada murid dengan kadar yang tetap, iaitu selepas setiap pelajaran atau selepas pengajaran sesuatu kemahiran diberikan kepada murid. Pada kebiasaannya kerja rumah akan disediakan oleh murid di rumah, tetapi ia juga boleh dilakukan di sekolah selepas waktu persekolahan atau di Perpustakaan, atau di mana-mana yang murid rasakan untuk membuat latihan kerja rumah tersebut. Kerja rumah adalah merujuk kepada tugas-tugas yang diberikan kepada pelajar oleh guru-guru sekolah yang akan disiapkan di luar waktu persekolahan (Cooper, 2001)

Pada masa kini banyak telah diperkatakan tentang isu-isu pembelajaran, terutamanya matematik sama ada didalam Negara kita sendiri mahupun di luar Negara. Tetapi, secara umumnya, ramai yang bersetuju bahawa murid-murid diberikan latihan kerja rumah kerana ia adalah memberikan faedah dalam pembelajaran murid itu sendiri Oleh itu untuk membolehkan murid dapat menyiapkan latihan kerja rumah yang diberikan, sokongan guru dan ibubapa adalah sangat diperlukan. Sebahagian murid dapat menyiapkan latihan kerja rumah yang diberikan kerana mereka dibantu oleh ibubapa atau ahli keluarga yang lain, tetapi sebahagian murid pula tidak mempunyai sokongan daripada ibubapa datang ke sekolah pada hari berikutnya dengan tangan kosong (Landers, 2003). Situasi seperti ini sudah pasti akan memberikan kesan yang tidak baik dalam pelaksanaan silibus dalam kelas, dan juga kepada murid-murid yang terlibat, dan

biasanya murid yang tidak dapat menyiapkan latihan kerja rumah ini akan ketinggalan dalam pembelajaran matematik.

Katz, Kaplan, dan Gueta, (2010:4) Tingkahlaku guru dan amalan guru mempunyai kesan yang ketara terhadap perasaan murid dalam penglibatan mereka dalam pembelajaran. Dalam erti kata yang lain, murid memerlukan sokongan dan bimbingan daripada guru-guru dalam menyiapkan sesuatu latihan kerja rumah yang diberikan.

Dari segi gambaran pada perspektif model behaviorist pula, Freire berpendapat bahawa guru akan memberikan aktiviti latih tubi sebagai satu cara untuk membiasakan para murid dengan kaedah penyelesaian yang telah diajarkan terlebih dahulu. Latih tubi ini akan membolehkan murid untuk menguasai sesuatu topik itu dengan lebih baik (Paul Ngee, Singh, dan Hwa, 2009.)

*Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)*, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), pula menyatakan bahawa Matematik adalah merupakan suatu bidang ilmu yang melatih minda murid supaya berfikir secara logik dan bersistem dalam menyelesaikan sesuatu masalah dan membuat keputusan. Sifat matematik secara tabiinya adalah menggalakkan pembelajaran yang bermakna dan mencabar pemikiran. Dengan sebab itulah maka matematik adalah merupakan antara bidang yang terpenting dalam sebarang usaha dalam pembinaan insan. Berasaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) serta memastikan kurikulum sentiasa relevan. (KPM, 2012).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Untuk menentukan kejayaan seseorang murid dalam pembelajaran mereka, terutamanya dalam matematik mereka memerlukan sokongan dari semua pihak, terutama sekali guru-guru, ibubapa, rakan sebaya dan yang terutama sekali adalah murid itu sendiri. Sokongan yang dimaksudkan dari pihak guru adalah dari segi memberikan bimbingan dan sokongan psikologi dan motivasi, seperti yang dikatakan oleh (Katz, *et al.* 2010) mengatakan, bahawa perbezaan dalam sokongan guru dalam keperluan psikologi murid di sekolah rendah dan sekolah menengah rendah (*junior high schools*) akan dikaitkan dengan perbezaan yang selari dalam motivasi penyesuaian pelajar pada kedua-dua sistem persekolahan ini, iaitu di sekolah rendah dan di sekolah menengah rendah. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa peranan guru dalam membimbing dan memberikan sokongan, terutama sekali dengan memberikan sokongan psikologi dan motivasi adalah sangat penting dalam membantu murid agar dapat menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran pembelajaran. Sokongan ini terutama sekali kepada murid dalam peringkat rendah. Katz, *et al.* (2010) yang menunjukkan bahawa pelajar-pelajar sekolah menengah rendah merasakan bahawa guru-guru yang kurang memberikan sokongan keperluan psikologi kepada mereka berbanding dengan sokongan yang diberikan oleh guru-guru semasa mereka berada di sekolah rendah. Ini menunjukkan bahawa, murid-murid akan sentiasa memerlukan sokongan daripada guru-guru walaupun mereka sudah berada pada peringkat sekolah menengah rendah.



Dari segi sokongan ibubapa pula, Bouchey dan Harter, mengatakan bahawa,

*"...parents role play a major role in shaping their children's attitudes toward and subsequent success in mathematics and other domains..."*. (Linderberg *et al.* 2008:233)

Dalam erti kata yang lain, peranan ibubapa adalah sangat penting sekali dalam membentuk sikap anak-anak mereka terhadap kejayaan anak tersebut dalam pembelajaran matematik.

Dari segi sokongan rakan sebaya pula, ia adalah sangat penting kerana melalui perbincangan dan pertukaran idea semasa perbincangan tersebut akan membolehkan murid tersebut dapat memahami dan menguasai sesuatu konsep matematik itu dengan lebih baik lagi. Dalam erti kata yang lain, perbincangan diantara murid tersebut akan menambah keyakinan mereka tentang kebolehan mereka untuk menguasai kemahiran dalam matematik. Terdapat kajian yang menyokong interaksi diantara rakan sebaya akan memberikan kesan positif dalam pembelajaran murid-murid, terutama sekali dalam bidang matematik.

*"...There is research evidence supporting the claim that the quantity and quality of positive peer interaction, both social and academic, are positively related to academic self-confidence and achievement ..."* (Morris *et al.* 2008:228).

Oleh itu, untuk mencapai tujuan tersebut maka perlu ada satu mekanisma atau suatu instrumen yang dapat membantu murid tersebut untuk menguasai sesuatu kemahiran pembelajaran itu dengan lebih berkesan lagi. Ini terutama sekali dalam pembelajaran matematik. Oleh itu salah satu mekanisma atau instrumen pembelajaran yang boleh digunakan dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran murid adalah dengan memberikan latihan kerja rumah kepada mereka.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Melalui pengalaman penyelidik sendiri, dan melalui perkongsian pengalaman dengan guru-guru lain yang sudah beberapa tahun mengajar mata pelajaran Matematik di sekolah Rendah, ramai guru yang menyatakan masalah yang sama, iaitu ramai murid (dihadkan kepada murid Tahap Dua sahaja) tidak menyiapkan latihan kerja rumah yang diberikan. Bahkan, ada yang mengatakan bahawa, ada sebahagian murid yang langsung tidak mencuba untuk menyiapkan latihan kerja rumah tersebut.

Dalam kajian ini penyelidik akan cuba untuk melihat sejauh manakah sokongan ibubapa, guru-guru dan rakan sebaya dapat menyokong para murid untuk menyiapkan latihan kerja rumah yang diberikan. Sokongan ibubapa, guru-guru dan rakan sebaya ini adalah sangat penting untuk diberikan perhatian agar satu mekanisma atau stratgei pembelajaran dapat disesuaikan dengan mengambil kira sokongan yang diberikan kepada para murid. Diharapkan dengan sokongan dari pelbagai pihak ini akan lebih membantu para murid untuk lebih memahami dan menguasai kemahiran matematik yang mereka telah pelajari, dan seterusnya dapat menyiapkan latihan kerja rumah yang diberikan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa, mata pelajaran matematik merupakan salah satu mata pelajaran yang sukar. Ini terutama sekali kepada murid-murid yang tidak suka atau berminat dengan nombor. Dalam erti kata yang lain murid yang tidak berminat dengan nombor in adalah mereka yang mengalami kesukaran untuk memahami ayat matematik. Manakala murid yang mahir membaca ayat matematik pula adalah murid dapat memahami masalah matematik dengan baik (Chong, 2007).

Menurut Noor Azlina Ismail (2009) pula mengatakan, bahawa terdapat beberapa faktor yang boleh membantu dalam memahami mengapa sesetengah pelajar mencapai tahap prestasi yang lebih tinggi daripada yang lain. Diantara faktor tersebut termasuklah latar belakang peribadi dan rumah pelajar, sumber untuk pembelajaran, masa yang dihabiskan di luar sekolah dalam mengkaji atau melakukan kerja rumah dalam mata pelajaran sekolah, keyakinan diri dalam

pembelajaran matematik, motivasi untuk belajar matematik, dan persepsi yang selamat di sekolah.

Adalah diharapkan, dengan dapatan kajian ini nanti akan dapat membantu untuk meningkatkan kesedaran para ibubapa dan para guru untuk merancang strategi yang sesuai bagi membantu murid untuk menguasai matematik ini dengan lebih baik dan berkesan lagi.

Oleh itu dalam penyelidikan ini, penyelidik akan cuba melihat sejauh manakah sokongan guru-guru, ibubapa dan rakan sebaya terhadap pembelajaran matematik Tahap Dua (2), kepada para murid dalam membantu untuk menyiapkan latihan kerja rumah yang diberikan.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Persoalan utama dalam kajian ini adalah;

“Bagaimanakah murid dapat menyiapkan latihan kerja rumah mereka dengan berpandukan kepada sokongan daripada guru-guru, ibubapa dan rakan sebaya ”?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji bagaimanakah sokongan guru-guru, ibubapa dan rakan sabaya dapat membantu para murid Tahap Dua (2), dalam menyiapkan latihan kerja rumah matematik yang diberikan kepada mereka. Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik akan cuba untuk mendapat maklumat yang sebanyak mungkin daripada guru-guru yang mengajar matematik tahap dua dan juga daripada ibubapa murid dan juga murid itu sendiri untuk menentukan bagaimana sokongan tersebut memberikan dorongan kepada mereka dalam menyiapkan latihan kerja rumah yang diberikan. Maklumat yang diperolehi ini adalah sangat penting untuk membolehkan para guru dan ibubapa murid dapat bekerjasama dalam merangka strategi pembelajaran yang dapat membantu murid itu sendiri untuk lebih berminat dan menguasai kemahiran matematik.

## 1.6 Batasan Kajian

Skop dalam kajian yang telah dilaksanakan adalah sebuah sekolah rendah di Daerah Kota Marudu. Daerah Kota Marudu mempunyai lebih kurang 33 buah sekolah rendah kesemuanya. Tetapi disebabkan kekakangan masa dan ruang maka dalam penyelidikan ini sampel kajian hanya diambil dari sebuah sekolah rendah sahaja.

Disebabkan kaedah yang digunakan dalam kajian adalah menggunakan kaedah pendekatan kualitatif maka ia tidak memerlukan jumlah Informan yang ramai. Untuk tujuan penyelidikan ini, jumlah informan telah ditetapkan dengan lebih awal dengan menggunakan teknik persempalenn bertujuan (*purposive sampling*). Kaedah persampalenn bertujuan ini dipilih kerana dipercayai dapat mewakili objektif sesuatu penyelidikan berkaitan sesuatu fenomena yang ingin dikaji (Burn, 1995).

Jumlah informan telah ditetapkan kepada enam (6) orang sahaja. Informan in dibahagikan kepada tiga kategori iaitu, kategori guru, kategori ibubapa dan kategori murid itu sendiri. Dari segi pembahagian informan, telah ditetapkan bahawa setiap kategori akan diwakili dua (2) orang informan. Ini bermakna bahawa terdapat dua (2) orang informan masing-masing dalam setiap kategori tersebut, iaitu dua (2) orang guru matematik yang mengajar Tahun Enam, dua (2) orang ibubapa yang mempunyai anak dalam Tahun Enam dan dua (2) orang murid Tahun Enam.

## **1.7 Kepentingan Kajian/Kesignifikan Kajian**

Terdapat beberapa kepentingan atau kesignifikan kenapa kajian ini dilakukan. Diantara kepentingan-kepentingan kajian ini adalah seperti yang berikut;

- 1.7.1 Untuk memahami peranan dan sokongan guru dalam pemberian kerja rumah matematik.
- 1.7.2 Untuk memahami peranan ibubapa dan sokongan mereka dalam pelaksanaan untuk menyiapkan latihan kerja rumah yang diberikan oleh guru kepada anak-anak mereka.
- 1.7.3 Untuk memahami dan menentukan tahap penglibatan murid-murid dalam menyiapkan latihan kerja rumah yang diberikan oleh guru.
- 1.7.4 Untuk memahami pengaruh rakan sebaya dalam menyiapkan latihan kerja rumah.

Adalah diharapkan agar dapatan kajian ini akan berguna kepada penggubal dasar pendidikan, guru-guru sekolah dan juga ibu bapa agar mereka mempunyai pengetahuan yang lebih baik tentang bagaimana kerja rumah berfungsi dan untuk memaksimumkan penggunaan latihan kerja rumah dalam pembelajaran para murid.

## **1.8 Definisi Operasional**

### **1.8.1 Kerja Rumah**

Menurut Cooper, kerja rumah adalah merujuk kepada tugas-tugas yang diberikan kepada pelajar oleh guru matapelajaran dan tugas ini diberikan untuk dilaksanakan semasa diluar masa pembelajaran (Bembenutty, 2011). Tujuan utama guru memberikan kerja rumah ini adalah untuk meningkatkan hasil pembelajaran para murid.

Dalam kajian ini , kerja rumah adalah merujuk kepada latihan-latihan tambahan yang diberikan oleh guru mata pelajaran matematik, selepas sesuatu kemahiran atau topik diajarkan oleh guru. Latihan kerja tambahan ini adalah perlu disiapkan oleh para murid dalam masa yang telah ditetapkan oleh guru dan disiapkan di rumah, untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran murid itu sendiri.

### **1.8.2 Tahap Dua**

Tahap Dua adalah merujuk kepada murid-murid dalam Tahun Empat, Tahun Lima dan Tahun Enam. Tetapi, untuk tujuan penyelidikan ini, Tahap Dua adalah hanya merujuk kepada murid-murid dalam Tahun Enam sahaja. Ini bermakna bahawa informan yang telah dipilih hanyalah murid-murid dalam Tahun Enam sahaja.

### 1.8.3 Motivasi

Motivasi, adalah berasal dari bahasa Latin *movere*, yang merujuk kepada pergerakan sendiri "*self-directed movement*". (Pintrich, 2003)

Dalam rangka kerja Rheinberg, Vollmeyer dan Rollet (2000). Motivasi adalah meliputi faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran, penerimaan komitmen, mempengaruhi kekuatan dan kualiti komitmen.

Sedangkan menurut Gray motivasi adalah merupakan sejumlah proses, yang bersifat dalaman, atau luaran bagi seorang individu, yang menyebabkan timbulnya sikap minat dan ketekalan, dalam hal melaksanakan kegiatan- kegiatan tertentu.

Dalam tujuan kajian ini, motivasi adalah merupakan dorongan dan sokongan yang diberikan oleh guru-guru, ibubapa dan rakan sebaya kepada para murid untuk menyiapkan latihan kerja rumah yang diberikan kepada mereka.

### 1.8.4 Rakan Sebaya

Oetting dan Beavais, seperti yang dikatakan oleh (Demarte, 2007) menyatakan bahawa setiap ahli dalam kumpulan rakan sebaya, dilihat sebagai seorang yang aktif, mempunyai kuasa untuk membentuk kebiasaan dan tindakan kumpulan tersebut. Dalam erti kata yang lain, rakan sebaya adalah seseorang yang mempunyai kedudukan yang sama dengan yang lain atau lain-lain, seperti pangkat, kelas dan umur.

Baker, Gersten, dan Lee (2002), mengatakan bahawa pelajar yang belajar matematik bersama dengan rakan sebaya akan mendorong (mereka) pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah, terutama sekali pelajar dengan pencapaian yang rendah, menunjukkan bahawa mereka boleh menyiapkan latihan kerja rumah yang diberikan.

Oleh itu, dalam kajian ini, rakan sebaya adalah merujuk kepada rakan dalam kelas yang sama, diajar oleh guru yang sama dan membuat latihan kerja rumah yang sama.

## 1.9 Kesimpulan

Di dalam bab ini telah dihuraikan secara ringkas tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian dan kepentingan kajian yang menjelaskan kenapa kajian ini dilaksanakan. Dalam bab ini juga telah dijelaskan tentang batasan kajian, dimana kajian ini hanya ditumpuhkan kepada sebuah sekolah sahaja dan hanya memerlukan enam orang informan sahaja.

Bab ini juga telah menjelaskan definisi operasional secara ringkas, serta definisi yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH